



**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' DR JUHARI BIN AHMAD**  
**TIMBALAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
**DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 9/2019**  
**25 OGOS 2019, RABU**  
**09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj  
Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil. 9/2019 bagi bulan September** pada pagi yang berbahagia ini.

## **TUAN YANG DIPERTUA BARU, MPS MELAPOR DIRI**

1. Saya ingin memaklumkan bahawa YBrs. Tuan Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor, telah melapor diri pada 18 September 2019 yang lalu, setelah menerima surat lantikan daripada YBhg. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
2. Majlis mengangkat sumpah menerima perlantikan Tuan YDP akan diadakan pada 1 hb Oktober 2019 di bilik ini. Dengan ini saya menjemput semua Ahli Majlis untuk hadir di majlis tersebut.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

3. Untuk makluman, sehingga 31 Ogos 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM87.67 juta (85.12%) daripada RM103 juta.
4. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 4.57 juta (65.21%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM7juta.
5. Pihak majlis juga telah melaksanakan tindakan rampasan bagi pemilik yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran setelah tempoh waran tamat. Sebanyak 2,009 rampasan telah dijalankan sehingga 31 Ogos 2019.
6. Bagi pemilik yang masih mempunyai tunggakan, pihak majlis akan mengambil tindakan mengeluarkan notis (Borang E) pada 1 September 2019 dan akan tamat pada 30 September 2019. Tindakan waran tahanan berjumlah

RM100 akan dilaksanakan kepada pemilik bermula pada 1 Oktober 2019.

## **PEMAKLUMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU JEREBU**

7. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat EXCO MTES pada 12 September 2019 telah membuat ketetapan berikut berhubung isu jerebu yang melanda negara ketika ini iaitu :

- i) Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dalam menangani isu pembakaran terbuka dan jerebu di negeri Selangor.
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah dan Negeri hendaklah diaktifkan apabila Indeks Pencemar Udara (IPU) mencatatkan bacaan antara 151 - 200 (melebihi 24 jam) iaitu tahap "Tidak Sihat" dan Kerajaan Negeri akan membekalkan dust mask kepada orang awam.
- iii) Operasi pembenihan awan akan dilaksanakan di kawasan yang mencatatkan bacaan IPU melebihi 200.
- iv) Semua sekolah, tadika dan taska diarah ditutup dengan serta-merta apabila IPU mencatatkan bacaan melebihi 200 iaitu tahap "Sangat Tidak Sihat" setelah mendapat pengesahan dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

8. Orang ramai adalah dinasihatkan agar mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan tidak melakukan pembakaran terbuka ketika musim jerebu ini.
9. Orang ramai juga dinasihatkan mengurangkan aktiviti luar rumah dan mengikuti makluman IPU semasa yang boleh dimuat turun melalui aplikasi MyIPU untuk maklumat kualiti udara bagi semua stesen pemantauan di seluruh negara.
10. Orang ramai juga adalah diminta untuk tidak melakukan pembakaran terbuka dan bekerjasama untuk memadamkan kes-kes pembakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.
11. Semua pihak juga digesa untuk tidak membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki dan dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlaku pembakaran terbuka di tanah atau premis mereka untuk tujuan tertentu sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja.
12. Tindakan undang-undang boleh dikenakan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 di mana mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000.00 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
13. Di kesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan atas faktor jerebu yang melanda negeri Selangor terutamanya di bawah kawasan pentadbiran MPS, Program Cintai Sungai bersempena Hari Sungai Sedunia yang dijadualkan di adakan pada 22 September 2019 terpaksa ditunda ke tarikh yang baru.

## **NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2020**

14. Adalah dimaklumkan kepada semua pemegang lesen premis perniagaan di bawah pentadbiran MPS dikehendaki memperbaharui lesen perniagaan 2020 sebelum 31 Disember 2019 bagi mengelakkan denda 10% dari kadar lesen dikenakan.
15. Jadi saya harap agar semua Ahli Majlis Kawasan dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan untuk membuat pembayaran mulai 17 September 2019. Untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut lagi, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah berhubung dengan Jabatan Pelesenan MPS.

## **KARNIVAL SUKAN KOMUNITI SELAYANG (SUKOMSEL) 2019**

16. MPS akan menganjurkan SUKOMSEL 2019 pada 5 hingga 6 Oktober 2019 dan 12 hingga 13 Oktober 2019.
17. SUKOMSEL JKP/ PeBT MPS adalah aktiviti yang dirangka khas untuk warga selayang di mana perlawanan bagi beberapa gabungan sukan moden dan tradisional akan dijalankan mengikut 24 zon JKP di kawasan selayang.
18. Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah :
  - Futsal lelaki
  - Bola jaring wanita
  - Karom berpasukan
  - Ping pong berpasukan
  - Badminton berpasukan
  - Tenpin bowling berpasukan lelaki
  - Tempin boling berpasukan wanita
  - Tenpin Boling Ahli Majlis & Pengerusi PeBT

19. Diharapkan agar SUKOMSEL ini berjalan lancar selain dapat merapatkan silaturahim di antara komuniti yang bertanding.

### **PEMAKLUMAN PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN PERIBADI**

20. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

### **UCAPAN TERIMA KASIH**

21. Saya juga ingin memaklumkan, mesyuarat penuh pada hari ini adalah mesyuarat terakhir saya untuk dipengerusikan selaku Pemangku YDP. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Majlis dan para pengarah yang selama ini banyak memberi sokongan dan kerjasama sepanjang saya memangku jawatan ini.

Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.